



KASSIM (tengah) menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Kejohanan Sukan Staf UMS ke-11 2010 di Laman Graduan Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU: Kontinjen Esteem menjuarai Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-11 2010 yang berlangsung empat hari di Kompleks Sukan universiti itu, mulai Jumaat lalu.

Kontinjen itu yang diketuai Prof Madya Dr Hamid Ahmad mengumpul 408 mata meninggalkan kontinjen D-G di tempat kedua dengan 365 mata, ketiga, D'KAL (259), keempat, Twin Tower (152) dan D'Arts serta 5 Star berkongsi 134 mata ditempat kelima.

Esteem mengungguli acara bowling, futsal wanita, badminton, ping pong, catur terbuka wanita dan kayak, manakala D-G menguasai pool, catur terbuka lelaki, tarik tali, olahraga dan cabaran ke puncak.

D'KAL yang diketuai Pengarah UMS-Kampus Antara-

Kontinjen Esteem juara sukan UMS

bangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang memenangi acara bola tampar lelaki dan wanita, dart dan bola jaring manakala Twin Tower menjuarai acara futsal lelaki, karom dan hoki lelaki.

Prof Madya Dr Mohd Yusuf Abdullah yang mengetuai D'Arts menjuarai acara golf, futsal veteran dan tenis, manakala 5 Star memenangi acara sepak takraw dan bola sepak sembilan sepasukan.

Peserta UMS-KAL, Zabli Abu Bakri dan wakil D-G, Othman Rawi masing-masing

menjuarai pertandingan nyanyian kategori senior dan veteran sempena kejohanan sukan berkenaan.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon di Laman Graduan, Dewan Canselor universiti itu, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS, Prof Madya Dr Kassim Mansur; Pendaftar, Abdullah Mohd Said; Dr Shariff dan Ketua Unit Sukan, Mohd Asyraff Fong Abdullah.